

PM dijadual adakan sesi libat urus dengan pelabur global di APEC

Usaha perkukuh jaringan ekonomi, buka peluang pelaburan baharu kepada negara

Daripada
Afrina Romzi
bhnews@bh.com.my

di Gyeongju,
Korea Selatan



Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadualkan mengadakan sesi libat urus bersama pelabur utama global di sini hari ini, dalam usaha memperkukuhkan lagi jaringan ekonomi dan membuka peluang pelaburan baharu kepada negara.

Sesi itu dijadualkan berlangsung di sela-sela jadual padat Perdana Menteri ketika beliau menghadiri Minggu Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) 2025.

Anwar dijadualkan menyertai Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC pagi ini sebelum

menyampaikan kenyataan Malaysia pada sesi Dialog Tidak Rasmi Pemimpin Ekonomi APEC bersama Negara Jemputan.

Ia bertemakan 'Ke Arah Rantau yang Lebih Terhubung dan Berdaya Tahan untuk Masa Hadapan'.

Beliau dijangka menekankan kepentingan keterangkuman dalam pengukuhan rantaian bekalan, pembangunan ekonomi digital dan kerjasama serantau demi pembangunan mampan.

Pertemuan berasingan

Selesai sesi berkenaan, beliau dijadualkan meneruskan beberapa pertemuan berasingan bersama wakil syarikat terkemuka dunia termasuk NVIDIA dan YTL Power.

Turut dijadualkan ialah sesi bersama Gabungan Perniagaan APEC-Amerika Syarikat, sebelum meneruskan dua lagi pertemuan tertutup dengan pelabur antarabangsa.

Pada sebelah malam, Perdana Menteri dijadualkan menghadiri Majlis Makan Malam Pemimpin Ekonomi APEC dan akan mengakhiri hari dengan sidang media khas lawatan kerja beliau.

Sebelum ini Perdana Menteri pernah mengadakan lawatan kerja pertama ke Korea Selatan dari



Perdana Menteri dijadual menyertai APEC 2025 di Gyeongju, Korea Selatan..

(Foto BERNAMA)

24 hingga 26 November 2024.

Ketika lawatan tersebut, Malaysia dan Korea Selatan sepakat meningkatkan tahap hubungan dua hala ke perkongsian strategik bagi memperdalam kerjasama dalam industri pertahanan, perdagangan, tenaga, rantaian bekalan dan bidang lain.

Korea Selatan adalah rakan dagangan Malaysia yang kelapan terbesar pada 2024.

Jumlah dagangan Malaysia-Korea Selatan mencatat RM109.68 bilion (USD24.01 bilion) tahun lalu.

Eksport utama Malaysia ke negara itu termasuk peralatan elek-

trik dan elektronik, gas asli cecair (LNG) dan peralatan optik dan saintifik.

Kedua-dua negara giat berusaha meningkatkan kerjasama dua hala, terutama dalam bidang pertahanan, maritim, kecerdasan buatan (AI) dan infrastruktur.

Sementara itu Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz, berkata Malaysia menyeru APEC supaya memodenkan peraturan perdagangan global bagi memanfaatkan digitalisasi dan AI, demi pertumbuhan inklusif.

Beliau menegaskan agar eko-

nomi anggota APEC mengambil peluang transformasi digital dan AI untuk memastikan pertumbuhan inklusif dan lestari di seluruh rantau.

"Digitalisasi kini menjadi tulang belakang sistem perdagangan moden. Dari pelepasan kasut tanpa kertas dan sijil asal elektronik hingga sistem 'tingkap tunggal' digital sepenuhnya, teknologi mengubah perdagangan rentas sempadan serta meningkatkan hubungan ekonomi antara negara," katanya dalam Mesyuarat Menteri APEC (AMM) di sini, semalam.